

# VEGETARIANISME DALAM AGAMA

## BAHAI

“Mengenai larangan memakan daging haiwan, anda harus mengetahui bahawa sejak permulaan ciptaan, Tuhan telah menentukan makanan setiap makhluk hidup, dan memakan secara bertentangan dengan penentuan ini adalah tidak dibenarkan.”

~ Pilihan daripada *Penulisan Bahai tentang Aspek Kesihatan dan Penyembuhan*, ms. 7-8

## CAO DAI

“... Perkara yang terpenting adalah menghentikan pembunuhan... kerana haiwan juga mempunyai jiwa dan kefahaman seperti manusia... JIKA KITA MEMBUNUH DAN MAKAN MEREKA, MAKA KITA BERHUTANG DARAH KEPADA MEREKA.”

~ *Ajaran Santo, Tentang Mematuhi Sepuluh Rukun - Pantang Membunuh, Bahagian 2*

## KRISTIAN

Daging untuk perut dan perut untuk daging; tetapi Tuhan akan memusnahkan kedua-duanya.

~ *Corinthia Pertama 6:13, Kitab Bible*

“Sementara daging masih di antara gigi mereka, belum dikunyah, kemurkaan TUHAN telah dibangkitkan terhadap orang-orang itu dan TUHAN menghapuskan mereka dengan bencana yang sangat besar.”

~ *Nombor 11:33, Kitab Bible*

## CONFUCIANISME

“Semua orang tidak sanggup melihat penderitaan orang lain. Orang yang mulia, semasa melihat haiwan yang hidup, tidak sanggup melihat mereka mati; semasa mendengar raungan mereka ketika hampir mati, DIA TIDAK SANGGUP MEMAKAN DAGING MEREKA.”

~ *Mencius, Raja Hui dari Negara Liang, Bab 4*

## HINDU

“Memandangkan kamu... tidak dapat menghidupkan semula haiwan yang telah dibunuh, kamu bertanggungjawab ke atas pembunuhan mereka. Oleh itu, kamu akan ke neraka; kamu takkan mendapat pembebasan.”

~ *Adi-lila, Bab 17, ayat 159-165*

“Orang yang ingin menambahkan daging sendiri dengan makan daging haiwan akan hidup dalam kesengsaraan dalam apa-apa spesies pun yang dilahirkan.”

~ *Mahabharata, Amu. 115.47. FS, ms. 90*

## YAHUDI

Barang siapa yang menetap di Israel atau orang yang tidak dikenali di sekelilingmu, yang makan sebarang darah\*, AKU AKAN BERPALING DARIPADA ORANG YANG MAKAN DARAH ITU dan takkan menganggapnya sebagai anak buah-Ku.

\*darah: bermakna 'daging'

~ *Leviticus 17:10, Kitab Bible*

## TAOISME

Jangan pergi ke gunung untuk menangkap burung di dalam sarang atau ke kawasan perairan untuk meracuni ikan dan udang. Jangan menyembelih kerbau yang membajak sawah anda.

~ *Jalan Senyap*

## ZOROASTRIANISME

“Tumbuh-tumbuhan itu, Aku, Ahura Mazda (Tuhan), melimpahi bumi untuk menyera orang yang beriman dan lembu yang murah hati.”

~ *Avesta, Venidad Fargard 5:20*

“Semua orang mengetahui bahawa diet vegetarian adalah baik untuk kesihatan dan dapat menyelamatkan planet ini. Mereka akan menyedarkan sifat diri yang agung, berbelas kasihan dan penyayang. Kemudian tahap kesedaran mereka akan meningkat secara automatik. Mereka akan memahami lebih banyak perkara daripada sebelumnya. Mereka akan menjadi lebih dekat dengan Tuhan berbanding sekarang.”

~ *Mahaguru Ching Hai*

*Persidangan video dengan Pusat Sydney, Australia - 17 Ogos 2008*

## BUDDHA

... SEMUA DAGING YANG DIMAKAN OLEH ORANG IALAH DAGING SAUDARA MEREKA SENDIRI.

~ *Kitab Lankavatara (Tripitaka No. 671)*

“Selepas bayi dilahirkan, mestilah berjaga-jaga juga agar tidak membunuh sebarang haiwan untuk dihidangkan kepada si ibu dan tidak mengumpulkan saudara-mara untuk minum arak atau makan daging... kerana pada saat bersalin yang susah, terdapat begitu banyak syaitan, raksasa dan goblin yang ingin minum darah yang berbau... dengan jahil membunuh haiwan untuk dimakan... mereka menyumpah diri sendiri, memudaratkan kedua-dua ibu dan bayi.”

~ *Kitab Ksitigarbha, Bab 8*

“Berhati-hati beberapa hari selepas seseorang meninggal dunia, jangan membunuh, memusnahkan atau mewujudkan karma buruk dengan menyembah atau menawarkan korban kepada syaitan dan dewa... kerana pembunuhan dan penyembelihan yang dilakukan, penyembahan yang dibuat atau korban yang ditawarkan itu TIDAK MENDATANGKAN SEDIKIT KEBAIKAN PUN KEPADA SI MATI, TAPI AKAN MENAMBAHKAN LAGI KARMA BURUK PADA KARMA SEBELUMNYA, MEMBUATNYA LAGI DALAM DAN SERIUS... dengan itu MENANGGUHKAN KELAHIRAN SEMULA DALAM KEADAAN YANG BAIK.”

~ *Kitab Ksitigarbha, Bab 7*

## ESSENE

Saya datang untuk menghentikan pengorbanan serta kenduri darah, jika kamu TIDAK MENGHENTIKAN TAWARAN DAN PEMAKANAN DAGING DAN DARAH, kemurkaan Tuhan terhadapmu takkan reda.

~ *Gospel Dua Belas Orang Suci*

## ISLAM

ALLAH TIDAK KASIHANI SESIAPA YANG TIDAK MENGASIHANI MAKHLUK NYA.

~ *Nabi Muhammad, Hadis*

Jangan sama sekali biarkan perut anda menjadi kubur pada haiwan.

~ *Nabi Muhammad, Hadis*

## JAINISME

Seorang sami yang sebenar TIDAK HARUS MENERIMA MAKANAN DAN MINUMAN yang disediakan khas untuknya DENGAN MENYEMBELIH HAIWAN.

~ *Sutrakritanga*

## SIKHISME

Orang yang menggunakan ganja, daging dan arak, tidak kira apa pun ziarah, puasa dan upacara yang diamalkan, mereka semua akan ke neraka.

~ *Guru Granth Sahib, ms. 1377*

## BUDDHA TIBET

Menawari dewa dengan daging yang diperoleh daripada pembunuhan haiwan adalah seperti menawari seorang ibu daging anaknya sendiri dan ini suatu kesilapan yang menyedihkan.

~ *Jalan Tertinggi Anak Murid: Rukan Guru,*

*Tiga Belas Kesilapan yang Menyedihkan, Guru Agung Gampopa*